

PROGRAM PEMBANGUNAN TERDAHULU

Sebelum Rancangan Malaysia Ke-7, kerja-kerja pembangunan sosio-ekonomi rumah kedai SEDCO adalah di bawah tanggungjawab Sabah Urban Development Corporation (SUDC). Kerja-kerja ini melibatkan pengurusan asas projek seperti membuat kajian awal, pengurusan tanah, permohonan peruntukan sehinggalah komponen bangunan siap.

Seterusnya Perkasa Realty Sdn Bhd memainkan peranan dalam mengagihkan lot-lot kedai kepada pembeli yang layak, menyediakan perjanjian jual beli, kutipan bayaran atau sewa sehinggalah penukaran hak milik kedai.

Bermula dari Rancangan Malaysia Ke-7, Perkasa Realty Sdn Bhd dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia dan menguruskan keseluruhan proses pembangunan sosio-ekonomi rumah kedai SEDCO. Projek pertama yang dibangunkan sepenuhnya oleh syarikat adalah di Kg Gramma, Beaufort.



Pegawai membuat lawatan ke projek pertama syarikat di Kg Gramma, Beaufort.

Sejak dari itu, syarikat membuat penambahbaikan berterusan bagi memantau kerja-kerja teknikal projek melalui penubuhan anak syarikat – Tetap Perkasa Sdn Bhd serta mewujudkan Jabatan Operasi syarikat bagi mengurus dan memantau secara langsung perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan fizikal projek.